

Peluang ketahui

ULM - 9 JUN 1993

KUALA LUMPUR 8 Jun — Isu keselamatan di Asia Tenggara dan penglibatan China dalam hal ehwal rantau ini akan turut diberi tumpuan ketika Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir melawat republik itu bermula 14 Jun ini.

Dr. Mahathir berkata, walaupun soal keselamatan rantau tidak akan dibincangkan secara langsung, tetapi beliau akan menggunakan peluang lawatan itu untuk mengetahui prinsip China dalam isu keselamatan Asia Tenggara.

Menurut beliau, antara perkara utama yang akan dirundingkan dengan pemimpin-pemimpin China sepanjang lawatan 10 hari itu ialah kerjasama Selatan-Selatan serta hubungan dua hala kedua-dua buah negara.

Dalam lawatan itu, Malaysia juga akan meninjau bentuk dan peranan yang cuba dimainkan oleh China di Asia Timur, kata Dr. Mahathir kepada para pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Pakar Kumpulan 15 (G-15) di sini hari ini.

Ini ialah lawatan rasmi kedua beliau ke China. Dr. Mahathir pernah melawat republik itu pada tahun 1985. Bagaimanapun delegasi beliau kali ini lebih besar iaitu terdiri daripada 290 orang.

Dalam lawatan minggu depan, sekurang-kurangnya 12 perjanjian perdagangan dan pelaburan serta memorandum persefahaman akan ditandatangani antara syarikat-syarikat perniagaan Malaysia dan China.

Menjawab soalan pemberita, Perdana Menteri berkata, G-15 perlu membuka keanggotaannya kepada negara-negara Asia Timur dan penyertaan China dalam G-15 adalah dialu-alukan bagi memantapkan lagi kerjasama Selatan-Selatan dan Asia Timur.

"Faedah besar boleh diperolehi jika negara-negara di Selatan yang sedang membangun mengadakan hubungan dengan negara yang maju Asia Timur seperti Korea, Taiwan, Hong Kong dan Jepun," katanya.

Menurut Dr. Mahathir, G-15 yang dibentuk tiga tahun lalu tidak boleh mengehadkan keahlian kepada 15 anggota sahaja sebaliknya perlu membuka keanggotaannya seluas-luasnya termasuk kepada negara-negara Asia Timur.

"Keanggotaan G-15 boleh dibesarkan jika ada negara yang berminat, terpulang kepada pendapat anggota-anggota G-15 yang ada sekarang," kata Dr. Mahathir.

Ditanya apakah mesej beliau kepada Persidangan

wilayah-wilayah tersebut dan Datuk Bandar Shenzhen turut mengadakan jamuan rasmi sebagai menyambut kedatangan Perdana Menteri ke wilayah pentadbiran mereka.

Di Haikou pula, Dr. Mahathir akan meletakkan batu asas projek pelancongan usahasama Malaysia-China.

Rombongan ahli perniagaan akan mengadakan prog-

Hak Asasi Manusia yang akan berlangsung di Geneva pada masa yang sama dengan tarikh lawatannya ke China minggu depan, Perdana Menteri berkata, setiap negara mempunyai hak untuk mempertahankan hak asasi manusia di negara masing-masing.

"Tetapi definisi hak asasi manusia perlu dibuat berasaskan hubungan antara pembangunan dan manusia," kata beliau.

Sementara di Wisma Putra, Timbalan Ketua Setiausaha Satu Kementerian Luar, Dato' Halim Ali berkata, Perdana Menteri, akan membuat kunjungan hormat dan mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatnya, Perdana Menteri Li Peng dan beberapa pemimpin republik itu seperti Presiden Jiang Zemin ketika berada di China.

Li Peng akan mengadakan jamuan negara kepada Dr. Mahathir pada 15 Jun.

Halim berkata, Perdana Menteri akan memberi ucapan kepada ahli perniagaan kedua-dua negara dalam satu mesyuarat yang berlangsung di Beijing dan Shenzhen.

Bertujuan

Dr. Mahathir juga akan menyaksikan perjanjian MOU antara kedua-dua belah pihak.

Katanya turut bersama rombongan Dr. Mahathir yang seramai 94 orang itu ialah isterinya, Dato' Seri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Dr. Ling Liong Sik, Menteri Perusahaan Utama, Dato' Sri Dr. Lim Keng Yaik, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik dan Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Osu Sukam.

Seramai 152 ahli perniagaan dan 27 orang ahli sebuah kumpulan budaya turut menyertai lawatan itu yang bertujuan untuk mengeratkan perhubungan yang lebih akrab antara Malaysia dan Republik Rakyat China.

Di samping itu, Perdana Menteri juga akan melihat dengan lebih dekat kepesatan pembangunan ekonomi negara tersebut dan ini akan membawa era baru perhubungan antara kedua-dua negara.

Di China nanti, Perdana Menteri akan melawat Beijing, Urumqi (Wilayah Xinjiang), Kunming (Wilayah Yunan), Shenzhen (Wilayah Guangdong) dan Haikou (Pulau Hainan).

Ketika berada di Urumqi dan Kunming, gabenor

ram mereka tersendiri dengan ahli perniagaan republik itu.

Beliau menambah, perkara berkaitan dengan pergolakan Kemboja, Kumpulan G15 dan permintaan supaya China menurunkan duti import minyak kelapa sawit juga dijangka akan diperbincangkan dalam lawatan tersebut.

prinsip China